
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HGM 342 – GEOGRAFI PERTANIAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

- 2 -

1. Pertanian di Malaysia dari segi penanaman, pengeluaran, pemasaran dan amalan teknologi dikatakan kurang maju berbanding dengan negara jiran, Thailand. Bincangkan.

[25 markah]

2. Pertanian pindah yang masih diamalkan di sesetengah negara dikatakan memberikan kesan negatif. Bincangkan

[25 markah]

3. Aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian di tanah tinggi dikatakan banyak mendatangkan masalah dan kesan negatif kepada alam sekitar. Bincangkan.

[25 markah]

4. Merujuk kepada Jadual 1, jawab soalan berikut:-

- [i] Kira dan nyatakan kombinasi tanaman yang paling sesuai dijalankan dengan menggunakan kaedah chi gandadua.

[20 markah]

- [ii] Jelaskan kenapa lebih praktikal dijalankan cara penanaman satu jenis sahaja.

[5 markah]

Jadual 1. Bidang usaha, keluasan tanaman, dan harian-kerja yang diperlukan untuk pengeluaran tanaman bagi tempoh satu musim di Ladang A.

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	harian-kerja yang diperlukan	Peratusan
Getah	10	120	15
Padi	4	160	20
Sayuran	2	180	22
Jagung	3	200	25
Limau	5	150	18
Jumlah	24	810	100.0

5. [a] Jelaskan bagaimana pertanian mengakibatkan perubahan iklim.

[10 markah]

[b] Merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana kesan perubahan iklim ke atas aktiviti pertanian.

[15 markah]

6. Bincangkan bagaimana konsep ekologi optimum dan edafik optimum dapat digunakan untuk menjelaskan tentang taburan dan hasil tanaman.

[25 markah]

7. Bincangkan TIGA teknik pengurusan hakisan yang boleh diamalkan di kawasan pertanian tanah tinggi seperti di Cameron Highlands.

[25 markah]